


PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



# LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2017



**Laporan Program Galakan Membaca 2017**  
**Perpustakaan Negara Malaysia**

2017 © Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

**LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA**

e-ISSN 2710-639X

1. Reading Promotion—Malaysia.
2. Reading interest—Malaysia
3. Books and reading—Malaysia

**I. PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

028.909595



**Perpustakaan Negara Malaysia**  
232, Jalan Tun Razak  
50572 Kuala Lumpur  
Tel: 03- 2687 1700  
Faks: 03- 2694 2490



# Osij Kandungan

Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	<b>Prakata Ketua Pengarah</b>	3
2.	<b>Dasar Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia</b>	4
3.	<b>Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia</b>	5- 40
	a. Kem Membaca 1Malaysia	5-10
	b. 'Jom Baca Bersama 10 Minit'	11-19
	c. #MalaysiaNgaji	20-25
	d. Bacalah Kamu Sinar Hidupku	26-32
	e. Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan	33-40
4.	<b>Program Literasi Media dan Maklumat</b>	41- 52
5.	<b>Program Pembudayaan Tulisan Jawi</b>	53-65
6.	<b>Program Galakan Membaca Perpustakaan Awam Negeri</b>	66-129
7.	<b>Program Galakan Membaca Perpustakaan Desa PNM</b>	130-136
8.	<b>Statistik Program Galakan Membaca 2017</b>	137-139



## PRAKATA KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada urusetia yang telah berusaha dengan gigih untuk merealisasikan penerbitan Laporan Program Galakan Membaca 2017. Sebagai penggerak Program Galakan Membaca Kebangsaan, Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa komited terhadap inisiatif menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Penerbitan laporan ini merupakan komitmen PNM dalam usaha mengumpulkan maklumat mengenai program galakan membaca yang telah dilaksanakan oleh institusi perpustakaan merangkumi Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Desa, Perpustakaan Badan Berkanun dan juga pihak swasta bagi tahun 2017. Statistik program galakan membaca yang dimuatkan dalam laporan ini juga jelas menunjukkan bahawa budaya membaca ditunjangi oleh institusi perpustakaan selaras dengan peranan perpustakaan sebagai pusat penyebaran ilmu dan maklumat.

PNM juga akan terus melaksanakan pelbagai program galakan membaca yang lebih kreatif dan inovatif bagi merangsang minat membaca rakyat Malaysia serta mendorong kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama.

Justeru itu, menjadi hasrat saya agar laporan ini dapat dijadikan sumber rujukan penting berkaitan amalan budaya membaca masyarakat Malaysia dan dipenghujungnya budaya membaca akan terus subur dalam kalangan masyarakat dan dijadikan sebagai satu gaya hidup yang positif.

**YBHG. DATO' NAFISAH BINTI AHMAD**

Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia

**DASAR GALAKAN MEMBACA**  
**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

‘Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu’

Dasar ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu :

**“menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.”**

# **Program GalakanMembaca Perpustakaan Negara Malaysia**



## KEM MEMBACA 1MALAYSIA (KM1M) 2017



Kem Membaca 1Malaysia merupakan program galakan membaca terbesar di bawah inisiatif Program Gerakan Tabiat Membaca yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2009. Perpustakaan Negara Malaysia menyertai KM1M sejak tahun 2013 dan tahun 2017 merupakan tahun ke lima penyertaan PNM di dalam KM1M. Majlis Pelancaran KM1M 2017 telah diadakan pada 4 April 2017 di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Bukit Kiara. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Amin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mewakili Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.



Majlis Pelancaran Kem Membara 1Malaysia 2017 (KM1M)

Objektif program Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) adalah:

- Menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang cintakan ilmu pengetahuan, bermaklumat yang berkualiti dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat;
- Menyebar luas kepentingan literasi maklumat kepada kumpulan sasaran khususnya pelajar sekolah dan guru serta meningkatkan kemahiran teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika; dan
- Mempromosi produk dan perkhidmatan PNM kepada warga Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya pelajar dan guru.

## **PENGISIAN AKTIVITI PNM DALAM KM1M**

### **1. Bengkel Literasi Maklumat dan Media (LMM)**

Seramai 250 orang pelajar sekolah menengah dan 24 orang guru pengiring telah mengikuti bengkel ini selama dua hari. Sebanyak sebelas buah sekolah di sekitar Putrajaya terlibat dengan bengkel ini. Aktiviti LMM merangkumi ceramah, kuiz refleksi minda, latihan *hands-on* dan aktiviti berkumpulan. Taklimat yang disampaikan adalah berdasarkan kepada Modul Tahap Pertengahan yang dikemaskini dan disesuaikan dengan keperluan kumpulan sasaran. Bengkel telah dikendalikan oleh sembilan orang tenaga pengajar dari kumpulan SME LMM PNM, u-Pustaka dan PNM Digital.



Bengkel Literasi Maklumat dan Media SMK Presint 9 (2) Putrajaya



Sesi Latihan *Hands On* Perkhidmatan Sumber Elektronik PNM

## **2. Sesi Membaca Bersama (*Let's Read Together*)**

Sesi membaca bersama selama 10 minit telah diadakan sebagai simbolik amalan membaca. Buku-buku bagi sesi ini disediakan oleh PNM melalui koleksi percuma dari Bahagian Pembangunan Koleksi (BPK), PNM.

## **3. Pameran Produk Perkhidmatan Digital PNM**

Pameran produk yang disediakan oleh PNM adalah pangkalan data yang dilanggan oleh PNM dan terdapat di dalam Portal Sumber Elektronik PNM Digital, Koleksi Nadir dan Peribadi serta Perkhidmatan ISBN/ISSN.



Pameran dan Promosi Produk Perkhidmatan PNM Sempena KM1M 2017

#### **4. Ceramah Motivasi “Ibu Bapa Menginspirasi Anak-anak Berpotensi”**

Ceramah ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Puan Raffidah Asnawi, Professional Learning Entertainer, dari HRA Legacy Resources. Seramai 300 orang guru, pelajar dan kakitangan BTP menghadiri ceramah ini.





### **JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT**

Program ‘Jom Baca Bersama 10 Minit 2017’ merupakan program galakan membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta. Program ini telah mula dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sejak tahun 2014. Pada tahun 2017 program ini diperkasakan dengan penglibatan semua masyarakat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Program ini merupakan langkah membentuk masyarakat ke arah minat membaca walaupun dalam tempoh yang singkat iaitu, 10 minit. Ia merupakan sokongan semua perpustakaan di Malaysia bersama-sama pihak kerajaan meningkat tabiat atau budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Objektif program ini adalah :

- (i) Menyemarak amalan membaca sebagai gaya hidup rakyat Malaysia;
- (ii) Menggarap kolaborasi semua agensi dalam menyemai semangat cintakan ilmu dalam kalangan warga Malaysia menerusi program galakan membaca; dan
- (iii) Pemimpin menjadi ikon membaca kepada rakyat.

### **Pelaksanaan Program**

Program ‘Jom Baca Bersama 10 Minit 2017’ telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, sekolah, institusi pendidikan tinggi, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan pada 25 April 2017 pada jam 11.00 – 11.10 pagi.

Majlis Pelancaran Program “Jom Baca Bersama 10 Minit” peringkat PNM telah diadakan di Auditorium PNM dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK).

Statistik penyertaan Program ‘Jom Baca Bersama 10 Minit 2017’ peringkat PNM adalah sebanyak 1,115 orang dan para peserta terdiri daripada pelajar-pelajar tadika, sekolah rendah dan menengah, institusi pendidikan tinggi dan kakitangan PNM. Statistik penyertaan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 5,804,052 penyertaan dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.6 juta berbanding tahun 2016.

## **Pengisian Aktiviti**

Aktiviti yang telah diadakan bersempena dengan Program “Jom Baca Bersama 10 Minit” adalah seperti berikut:

- I. Jom Baca Bersama 10 Minit (*Let's Read Together For 10 Minute*)
- II. Sumbangan Buku Dari Kedutaan Sepanyol
- III. Penghargaan Kepada Peminjam Aktif 2016
- IV. Pelancaran ‘Buku Bangkit dan Buku Blur’
- V. Diskusi Pembacaan: Anak Muda Bangkit Dari Kekaburuan
- VI. Aktiviti Sampingan (*Pocket Activities*):
  - Bengkel Membaca Ekspress- i
  - Bersama Doktor Buku: Buat Buku Sendiri
  - Dengarlah Sayang Bersama Kak Cher
  - Pameran Perpustakaan Keluarga
  - Pertandingan Membaca Naskhah Manuskrip
  - Pertandingan Multimedia Negaraku
  - Pertandingan Sahiba Jawi
  - Sesi Bacaan Kegemaran Saya

## GAMBAR SEKITAR PROGRAM ‘JOM BACA BERSAMA 10 MINIT’



YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi menyampaikan ucapan perasmian dan seterusnya menandatangani plak sebagai simbolik perasmian Program ‘Jom Baca Bersama 10 Minit 2017’



Sesi ‘Jom Baca Bersama 10 Minit 2017’ sedang berlangsung.



H.E Carlos Dominguez, Duta Besar Sepanyol Ke Malaysia menyampaikan sumbangan buku *El Quijote de la*



YBhg. Dato'KP PNM menerima buku 'Blur' dan buku 'Bangkit' dari Galeri Ilmu Sdn. Bhd.



YBhg Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi KSU KPK menyampaikan hadiah kepada Pembaca Aktif Peringkat Kebangsaan 2017





Kumpulan Koir PNM dan Kumpulan Muzikal Sekolah Kebangsaan Lelaki Jalan Batu membuat persembahan Program ‘Jom Baca Bersama 10 Minit 2017’



Bengkel Membaca Ekspres-i bersama murid-murid Tadika Kemas Permata Jabatan Perdana Menteri.



Peserta cilik tekun mendengar ‘Sesi Dendarlah Sayang Bersama Kak Cher’.



‘Sesi Bacaan Kegemaran Saya’ menampilkan penulis dari PTS Publication.



Para Peserta ‘Pertandingan Multimedia Negaraku’ sedang membuat pembentangan di hadapan juri.



Pertandingan Membaca Naskhah  
Manuskrip Melayu



Para pelajar sedang mendengar  
penerangan Dr. Buku.



Pertandingan Sahibba Jawi turut diadakan



Pameran Perpustakaan Keluarga turut menjadi perhatian tetamu  
yang hadir sempena Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2017

## STATISTIK PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

BIL.	AGENSI	PENYERTAAN
1.	PNM	1,115
2.	Johor	1,500,061
3.	Kedah	174,458
4.	Kelantan	67,442
5.	Kuala Lumpur	245,715
6.	Melaka	200,528
7.	Negeri Sembilan	243,761
8.	Pahang	326,493
9.	Perak	473,152
10.	Perlis	42,121
11.	Pulau Pinang	477,854
12.	Sabah	156,808
13.	Sarawak	154,344
14.	Selangor	837,992
15.	Terengganu	307,336
<b>JUMLAH</b>		<b>5,208,065</b>

\*Nota: Sumber berdasarkan daripada laporan yang diterima daripada Perpustakaan Awam Negeri

**STATISTIK PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT MENGIKUT KATEGORI**

BIL.	JABATAN/INSTITUSI	2015	2016	2017
1.	Perpustakaan Gunasama	-	4,671	11,800
2.	Perpustakaan Desa	-	63,493	65,498
3.	Perpustakaan Awam Negeri	2,542,639	4,180,789	5,208,065
4.	Perpustakaan Negara Malaysia	1,500	1,123	1,115
5.	IPTA/IPTS	-	-	6,000
6.	Jabatan Berkanun/Swasta	-	-	7,325
7.	Facebook	-	-	509,249
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2,544,139</b>	<b>4,250,076</b>	<b>5,809,052</b>

**PERBANDINGAN JUMLAH PENYERTAAN  
PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	PENYERTAAN	PENINGKATAN %
2017	5.8 juta	24.6 %
2016	4.25 juta	67.3%
2015	2.54 juta	1.6%
*2014	2.5 juta	*tahun pertama program dilaksanakan

## **PROGRAM #MALAYSIANGAJI**

Program #MalaysiaNgaji merupakan langkah membentuk perilaku masyarakat agar amalan membaca al-Quran dapat diterapkan dan membentuk akhlak yang mulia serta modal insan di dalam diri semua insan. Ia juga secara tidak langsung meningkatkan usaha mendekatkan al-Quran dalam kalangan masyarakat. Program ini dilaksanakan secara serentak di seluruh negara dengan kerjasama semua Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dengan konsep membaca al-Quran, mendalami maksud dan bertadabbur .

Objektif program ini adalah untuk:

- Menjadikan pembacaan al-Quran sebagai budaya rakyat Malaysia yang beragama Islam di seluruh negara;
- Membentuk ikatan hati untuk memartabatkan al-Quran supaya rakyat Malaysia dapat membaca al-Quran walau di mana sahaja dengan penuh penghayatan bukan mengaji tetapi dalam hati kosong;
- Membentuk perilaku ummah agar amalan membaca al-Quran diterapkan dan membentuk sifat-sifat kerohanian seperti akhlak yang mulia serta modal insan di dalam diri semua insan; dan
- Melihat al-Quran sebagai panduan paling lengkap untuk kehidupan seharian.

## **PELAKSANAAN PROGRAM**

Program #MalaysiaNgaji telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, institusi masjid, institusi pendidikan – universiti dan sekolah, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan pada 19 Jun 2017 bersamaan 24 Ramadan 1438 pada jam 12.00 tengah hari hingga jam 1.00 petang.

## **PENGISIAN AKTIVITI**

Pengisian aktiviti adalah seperti berikut:

### **1. Forum Ilmu: “Budaya Ilmu Pemangkin Kecemerlangan Ummah”**

Forum Ilmu bertajuk **“Budaya Ilmu Pemangkin Kecemerlangan Ummah”** merupakan aktiviti yang diadakan sempena program #MalaysiaNgaji. Forum ini bermula pada jam 10.00 pagi bertempat di ruang santai, Aras 1, Bangunan Anjung Bestari. Ahli panel forum ilmu ini ialah Ustaz Muhadir Hj. Joll (penceramah IKIM), Encik Mohd. Shukur Ibrahim (Pemenang Anugerah Khas OKU Usahawan 2014) dan Puan Siti Nadzrah Sheh Omar (Pengasas PROFAZZ – Profesional Hafazan Al-Quran). Moderator forum ini ialah Ustaz Mohd. Safwan Syafiq bin Mohamad Idris (Personaliti TV9). Forum ini telah dihadiri oleh kakitangan agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, pelajar-pelajar pusat tahliz sekitar Kuala Lumpur dan Selangor serta kakitangan PNM.

### **2. Sesi Tadabbur dan Tadarus al-Quran**

Sesi tadabbur dan tadarus al-Quran diketuai oleh Ustaz Hassan Al-Fadli bin Abdul Rahman, Ketua Imam Masjid Al-Firdaus, Segambut Luar, Kuala Lumpur. Tema surah yang dibincangkan ialah Kemaafan dan Belas Ihsan dari Allah SWT (*compassion of love*). Beliau dibantu oleh para pelajar-pelajar tahliz al-Quran dari Maahad Tahfiz Dhiya 'Ul Islam, Kampung Semarak, Kuala Lumpur, Madrasah Tahfiz Al-Aziz, Kajang dan Tahfiz Ummah Bestari, Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

### **3. Sesi Literasi Media dan Maklumat**

Sesi Literasi Media dan Maklumat turut diadakan bersempena dengan program ini dan telah dikendalikan oleh Puan Zuliana Ab. Rashid dari Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia. Sesi ini disertai oleh sekolah berasrama penuh sekitar Kuala Lumpur dan Selangor serta pelajar-pelajar pusat tahliz sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

#### **4. Persembahan Nasyid**

Kumpulan nasyid InTeam telah membuat persembahan sempena Program #MalaysiaNgaji 2017.

#### **5. Ceramah Ihya Ramadan**

Ceramah Ihya Ramadan yang bertajuk “Ramadan Berlalu, Syawal Menjelma: Mencari Keberkatan 10 Malam Terakhir Ramadan” telah disampaikan oleh Ustaz Norhafizi bin Ab. Rahim, Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

#### **6. Majlis Berbuka Puasa dan Solat Berjemaah**

Majlis berbuka puasa dan solat maghrib, isyak dan sunat tarawih secara berjemaah turut diadakan sebagai penutup kepada program #MalaysiaNgaji.



Forum Ilmu Sempena #MalaysiaNgaji.

Dari kiri: Ustaz Mohd. Safwan Syafiq Muhamad Idris, Puan Siti Nadzrah Sheh Omar, Ustaz Muhadir Hj. Joll dan Encik Mohd. Sukur Ibrahim.



Para pelajar serta guru yang hadir sempena #MalaysiaNgaji 2017

## Statistik penyertaan Program #MalaysiaNgaji 2017

BIL	NEGERI	JUMLAH
1.	Perpustakaan Negara Malaysia	463
2.	Perpustakaan Desa di bawah PNM	11,839
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	89,753
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	9158
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	13,289
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka	7,366
7.	Perpustakaan Negara Malaysia Cawangan Negeri Perlis	8903
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan	25,917
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah	68,489
10.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang	224,173
11.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu	284,030
12.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor	4950
13.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang	61,159
14.	Pustaka Negeri Sarawak	2343
15.	Perpustakaan Awam Negeri Sabah	417
16.	Perpustakaan Kuala Lumpur	417
	<b>JUMLAH KESELURUHAN PENYERTAAN</b>	<b>812,666</b>

\*Sumber : PNM dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor

## GAMBAR PROGRAM #MalaysiaNgaji



Sesi tadabbur dan tadarus al-Quran



Sesi tadabbur dan tadarus al-Quran



Kuliah Ihya Ramadan oleh YBrs. Ustaz Norhafizi bin Ab. Rahim, Penolong Pengarah,  
Bahagian Penguat kuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)



Penyampaian sumbangan kepada  
anak yatim dan pelajar tahliz oleh  
YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua  
Pengarah PNM

Persembahan nasyid daripada  
kumpulan INTEAM

### **'BACALAH KAMU SINAR HIDUPKU'**

Program ‘Bacalah Kamu Sinar Hidupku’ merupakan program galakan membaca yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Persatuan Braille Malaysia dan KL Braille Resources bagi membantu perkembangan literasi golongan kelainan upaya (OKU) cacat penglihatan. Program ini merupakan program kali kedua yang telah diadakan oleh PNM di mana program kali pertama telah diadakan pada 27 Jun 2013 bertempat di Kompleks Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur.

Program pada kali ini tidak hanya menumpukan kepada OKU penglihatan, malah turut melibatkan masyarakat yang sempurna penglihatan dengan menyumbang tenaga bagi menjayakan aktiviti kesukarelawanan yang turut menjadi antara pengisian aktiviti pada program kali ini.

Program ‘Bacalah Kamu Sinar Hidupku’ telah dilaksanakan pada 14 September 2017 bertempat di Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 320 tetamu jemputan yang terdiri daripada kakitangan PNM, kakitangan Perpustakaan Desa sekitar lembah Kelang, Persatuan-persatuan OKU Penglihatan, pelajar sekolah menengah dan rendah pendidikan khas penglihatan, pelajar-pelajar Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan orang awam telah menyertai program ini. Majlis Penutup Program ‘Bacalah Kamu Sinar Hidupku’ telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia dan disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan OKU penglihatan tentang kepentingan ilmu pengetahuan serta pembelajaran sepanjang hayat.
- Membantu OKU penglihatan untuk mendapat akses kepada bahan bacaan tanpa had.

- Meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai kepentingan bahan bacaan kepada golongan OKU penglihatan.

## PENGISIAN PROGRAM

### I. Brailletton

Seramai 146 orang sukarelawan yang terdiri dari kakitangan PNM, kakitangan Perpustakaan Desa PNM dan pelajar-pelajar Universiti Kuala Lumpur telah menjayakan sesi Brailletton dengan menaip semula 10 muka surat dari 10 bahan bacaan terpilih. Semua bahan bacaan yang siap ditaip akan ditukarkan kedalam format tulisan braille oleh pihak KL Braille Resources.

### II. Sesi Motivasi dan Bacaan Kegemaran Saya Bersama Usahawan OKU

Sesi ini telah dijayakan oleh Encik Muhammad Huzaifah bin Ahmad yang merupakan Presiden Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia. Beliau telah menyampaikan ceramah motivasi dan berkongsi bahan bacaan kegemarannya untuk dijadikan inspirasi kepada peserta yang hadir.

### III. Sesi Pengenalan Kepada Literasi Media dan Maklumat (LMM) & Pangkalan Data Mesra OKU Penglihatan

Sesi Pengenalan Kepada LMM dan Pangkalan Data Mesra OKU Penglihatan telah diadakan sebagai salah satu pengisian program. Sesi ini diadakan bagi mempromosikan perkhidmatan tersebut kepada golongan OKU penglihatan.

### IV. Pertandingan Menulis Menggunakan Brailet

Seramai 10 peserta dari kategori sempurna penglihatan dan 10 orang peserta dari kategori OKU penglihatan telah menyertai pertandingan ini yang memerlukan para peserta menulis teks braille menggunakan brailet (kit tulisan braille) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pemenang dipilih berdasarkan ketepatan ejaan dan kepantasan menulis menggunakan brailet.

## **V. Perasmian Sudut Maklumat OKU PNM**

YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM dan YBhg. Datuk Mah Hassan, Presiden Persatuan Braille Malaysia telah merasmikan Sudut Maklumat OKU PNM yang terletak di aras G, PNM. Sudut ini menyediakan pelbagai kemudahan bahan bacaan dalam bentuk braille, audio dan akses kepada pangkalan atas talian PNM dan terbuka kepada semua golongan OKU.

## **VI. Demonstrasi Penyediaan Buku dan *Tactile Grafik Braille***

Demonstrasi penyediaan buku dan tactile grafik braille turut diadakan dan sekaligus memberi pendedahan kepada para pengunjung mengenai cara sesebuah buku braille dihasilkan.

## **VII. Permainan Pembelajaran (Catur dan Domino Braille)**

Permainan pembelajaran Catur dan Domino Braille turut diadakan bagi memberi peluang kepada para pengunjung untuk melihat sendiri bagaimana permainan ini digunakan oleh OKU penglihatan.

## **VIII. Sumbangan Buku Audio**


Sebanyak 5 tajuk buku audio terbitan PNM telah disumbangkan kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Batu seperti berikut:

- 1) Cerpen Asia Kini: Kumpulan Cerita Kanak-Kanak (Buku Satu)
- 2) Haiwan Melawan Pemburu
- 3) Pasangan dan Induk
- 4) Kejadian Nabi Adam Alaihissalam
- 5) Haiwan Beracun dan Penyamar

Sebanyak enam tajuk buku audio terbitan PNM telah disumbangkan kepada Sekolah Menengah Pendidikan Khas Setapak seperti berikut:

- 1) Gamitan Lausanne : Kumpulan Cerpen Remaja
- 2) Hikayat Raja-Raja Pasai
- 3) Menjana Pemikiran Kreatif & Kritis

- 4) Wira Malaysiaku
- 5) Anak Warisan Zaman
- 6) Anak Titiwangsa




\*\*\*\*\*  
**GALERI**

**PROGRAM BACALAH KAMU SINAR HIDUPKU**



Sesi Pengenalan Kepada Literasi Media dan Maklumat Serta  
Pangkalan Data Mesra OKU PNM



Sesi Motivasi dan Bacaan Kegemaran Saya



Pertandingan Menulis Menggunakan Braille



Sesi Brailleton



Demonstrasi Penyediaan Buku Braille



Majlis Penutup Program Bacalah  
Kamu Sinar Hidupku 2017

## **PROGRAM ‘JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN’**

Program “Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan” merupakan satu program NBOS di antara PNM dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) serta kerjasama strategik melibatkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Jabatan Warisan Negara (JWN), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah (PPAK). Pada tahun ini, PNM memilih tema ‘Bahasa Jiwa Bangsa, Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya’ sebagai menyambung kesinambungan Bulan Bahasa Kebangsaan. Perjalanan program tahun ini menggunakan Perkhidmatan Keretapi Elektrik/*Electric Train Service (ETS)* melibatkan perjalanan dari Stesen Sentral Kuala Lumpur ke Stesen Keretapi Alor Setar, Kedah.

Objektif utama program ini adalah:

- Menjalin persefakatan pintar melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di antara PNM, KTMB, JWN, DBP, UPSI, PPAK dan penerbit buku dalam usaha menggalakkan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat;
- Menanam budaya membaca tanpa batasan lokasi dan masa walau di mana sahaja berada kepada pengguna keretapi untuk memenuhi masa yang terluang; dan
- Meningkatkan kesedaran pengguna pengangkutan awam khusunya keretapi mengenai kepentingan ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*).

## **PELAKSANAAN PROGRAM**

Majlis Pelepasan (*flag-off*) Program “Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan” 2017 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah, Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) bertempat di platform keretapi Stesen Kuala Lumpur Sentral dan turut disertai oleh YBhg. Dato’ Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM, Encik Mohd. Rani Hisham Samsudin, Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, barisan pengurusan PNM dan wakil-wakil agensi di bawah KPK.

Seramai 142 orang peserta terdiri dari pelbagai latar belakang dan umur telah menyertai program ini bermula dari Stesen KL Sentral - Stesen Keretapi Tanjong Malim – Stesen Keretapi Alor Setar dan seterusnya majlis penyampaian hadiah telah diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK).

## **PENGISIAN AKTIVITI**

### **1. Sumbangan bahan bacaan**

YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mengetuai acara memberi sumbangan bahan bacaan kepada peserta dan semua penumpang yang menaiki ETS perjalanan dari Stesen KL Sentral – Stesen Keretapi Alor Setar – Stesen KL Sentral pada hari tersebut. Selain itu, PNM juga memberi sumbangan bahan bacaan kepada:

- (i) Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
- (ii) Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Gombak
- (iii) Gabungan Guru Muda 1Malaysia (GM1M)
- (iv) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
- (v) SJK (C) Behrang Ulu, Tanjong Malim, Perak
- (vi) SK Tanjong Malim, Tanjong Malim, Perak
- (vii) SJK (T) Tan Sri Dato' Manickavasagam, Tanjong Malim, Perak
- (viii) SMK Methodist, Tanjong Malim, Perak

### **2. Aktiviti oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)**

Pegawai-pegawai dari Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) telah mengendalikan Program ‘Jelajah Bahasa’ berbentuk didik hibur serta ‘Ekspresi Bahasa’ berkaitan penggunaan bahasa Melayu bagi memberi kesedaran kepada peserta program tentang penggunaan bahasa yang betul untuk urusan sehari-hari. Aktiviti ini telah dijalankan sepanjang perjalanan menuju Stesen Keretapi Alor Setar di dalam ETS. Pertandingan berkaitan bahasa Melayu

juga dijalankan oleh pihak DBP semasa berada di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK).

### **3. Aktiviti oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**

Aktiviti berbentuk kesenian dan kesusasteraan yang diketuai oleh YBhg. Dato' Paduka Prof. Madya Dr. Rosli Salahudin, Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim bersama pelajar-pelajar Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI telah dijalankan aktiviti sepanjang perjalanan balik ke Stesen KL Sentral dalam Keretapi Elektrik/*Electric Train Service (ETS)*. Sebelum itu, mereka telah mempersembahkan aktiviti kesenian dan kesusasteraan seperti puisi dan teromba di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK).

### **4. Jabatan Warisan Negara (JWN)**

Jabatan Warisan Negara (JWN) turut mempromosikan permainan tradisi seperti ‘congkak’, ‘dam aji’ dan ‘kercang’ semasa dalam perjalanan ke stesen Alor Setar Kedah di dalam ETS. Permainan tradisi dimainkan bertujuan untuk mempromosi elemen warisan dan kebudayaan agar generasi kini tidak melupakan permainan-permainan tradisi tersebut.

## GALERI

### “JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN” 2017



Peserta program yang menyertai Program “Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan” 2017  
bergambar bersama YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah, KSU (K) KPK



Acara pelepasan (*flag-off*) yang disempurnakan oleh YBhg Datuk Rashidi Hasbullah,  
KSU (K) KPK



Sesi sidang media sebelum program berlangsung



Sumbangan bahan bacaan oleh tetamu kehormat

## AKTIVITI SEPANJANG PERJALANAN



Sesi membaca bersama



Permainan tradisional



Persembahan puisi dan teromba oleh YBhg. Dato' Paduka Prof. Madya Rosli Salahudin



Pertandingan berkonseptan Bahasa Melayu oleh DBP di Perpustakaan Awam Kedah



Penyampaian hadiah kepada pemenang setiap aktiviti yang dijalankan



Penyampaian hadiah kepada pemenang setiap aktiviti yang dijalankan



Sesi bergambar beramai-ramai semua urus setia dan peserta  
Program ‘Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan’ 2017



# **LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT**



## BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM)

### **TRAINING OF TRAINERS (TOT) KEPADA GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

LMM PNM dipertingkatkan melalui pengendalian bengkel secara *training of trainers (tot)* yang memberi fokus kepada golongan Guru Perpustakaan dan Media (GPM) sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini adalah sebahagian dari usaha meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran literasi maklumat GPM di peringkat sekolah khususnya dan dalam bidang pendidikan khasnya.

Objektif Bengkel LMM TOT untuk Guru Perpustakaan dan Media Sekolah adalah:

- Menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang cintakan ilmu pengetahuan, bermaklumat yang berkualiti dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat;
- Menyebar luas kepentingan literasi maklumat kepada Guru Perpustakaan dan Media sebagai ejen literasi maklumat dalam bidang pendidikan serta meningkatkan kemahiran teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika; dan
- Mempromosi produk dan perkhidmatan PNM kepada Guru Perpustakaan dan Media untuk disebar luas kepada golongan pelajar.

## **PELAKSANAAN PROGRAM**

Program ini telah dilaksanakan pada 23 Mei 2017 di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Majlis Perasmian Penutup Bengkel LMM TOT telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM. Majlis turut dihadiri oleh Tuan Haji Zaidi bin Yazid, Pengarah BTP. Seramai 263 orang guru perpustakaan dan media telah menghadiri bengkel ini terdiri daripada 145 orang dari Kuala Lumpur, 101 orang dari Selangor dan 17 orang dari Putrajaya.

## **PENGISIAN AKTIVITI**

### **1. Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM)**

Bengkel LMM TOT kepada Guru Perpustakaan dan Media ini merangkumi ceramah, kuiz, refleksi minda, dan latihan secara *hands-on* pangkalan data dan perkhidmatan sumber elektronik PNM. Bengkel dikendalikan oleh pegawai- pegawai dari PNM .

### **2. Pameran Perkhidmatan dan Produk PNM**

Pameran Perkhidmatan dan Produk PNM telah diadakan termasuk promosi Perkhidmatan Perpustakaan Digital yang.

### **3. Kempen Keahlian**

Kempen keahlian PNM dan u-Pustaka diadakan bagi mempromosikan dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan PNM dan u-Pustaka dalam kalangan pendidik turut diadakan.

**SEKITAR PELAKSANAAN BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM)  
TRAINING OF TRAINERS (TOT) KEPADA GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA  
SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



Sesi Literasi Maklumat dan Media



Sesi Literasi Maklumat dan Media



Sesi Latihan Perkhidmatan Sumber Elektronik PNM dan u-Pustaka



Pameran Produk PNM dan Pendaftaran u-Pustaka



Majlis Penutup Bengkel Literasi Media & Maklumat 2017



## BENGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM) PERDANA 2017



Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) perdana dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) diadakan bertujuan mendidik masyarakat mendapatkan maklumat dengan tepat dan berkesan melalui pelbagai kaedah dan strategi pencarian, penilaian, pengurusan, dan penyebaran serta etika penggunaan maklumat yang betul bagi memastikan hasil tugas lebih berkualiti.

Bengkel LMM perdana dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Guru Muda 1Malaysia Kuala Lumpur (GM1MKL) ini diadakan julung kali sebagai *platform* bagi menarik minat dan kefahaman belia Malaysia terhadap kepentingan menguasai kemahiran literasi maklumat dalam kehidupan moden hari ini.

Belia Malaysia (golongan berumur 15-40 tahun) merupakan sasaran utama bengkel kerana merupakan kelompok aktif sebagai netizen selain sebagai golongan pelajar dan

pekerja yang terdedah kepada lambakan maklumat yang memerlukan kemahiran penyaringan maklumat.

Objektif bengkel adalah seperti berikut:

- Menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan generasi muda yang cintakan ilmu pengetahuan, menggunakan yang berkualiti dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat;
- Membina kesedaran dan keyakinan peserta tentang kepentingan membaca ke arah membina kualiti diri dan menjadikan mereka sebagai pemimpin belia yang berketrampilan dan berwawasan; dan
- Mendedahkan peserta kepada kemahiran dan kepentingan literasi maklumat yang merangkumi teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika.

## **PELAKSANAAN PROGRAM**

Bengkel ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Guru Muda 1Malaysia Kuala Lumpur (GM1MKL) pada 15 Ogos 2017, bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Bengkel ini telah diadakan di beberapa lokasi iaitu di bangunan Anjung Bestari iaitu Auditorium Aras 2, Zon Siber Aras 2, Pusat Hipermedia Dewasa, Aras 4, Bilik Syarahan Aras 5, Makmal Komputer, Aras 5 dan di ruang perkhidmatan aras 10, Menara PNM.

Majlis Penutup LMM Perdana disempurnakan oleh YBhg Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM bersama dengan Encik Mohd Zaidi bin Aziz, Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia. Seramai 628 orang telah menyertai LMM Perdana ini terdiri daripada belia dari seluruh Malaysia.

## **PENGISIAN PROGRAM**

### **1. Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM)**

Bengkel LMM menggunakan sepenuhnya modul LMM yang telah dibangunkan. Bengkel dikendalikan oleh pegawai dari pasukan LMM PNM. Pengisian bengkel ini merangkumi ceramah, ujian kefahaman tahap literasi maklumat, kuiz, refleksi minda, e-LMM, aktiviti berkumpulan dan latihan secara *hands-on* pangkalan data dan enjin pencarian terpilih.

### **2. Sesi *Hands on* Perkhidmatan Sumber Elektronik PNM dan u-Pustaka**

Sesi ini memberi peluang peserta untuk melakukan *hands on* perkhidmatan digital dan u-pustaka yang disediakan oleh PNM. Sesi ini dikendalikan oleh pegawai dari Bahagian Sumber Elektronik dan Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan.

### **3. Pra Pelancaran e-LMM**

Modul LMM secara dalam talian telah dibangunkan oleh PNM dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Pra pelancaran modul e-LMM ini telah dilancarkan dalam Majlis Penutup Bengkel LMM.

**GALERI GAMBAR**  
**SEKITAR BEGKEL LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT PERDANA**



Bengkel Literasi Media dan Maklumat Perdana



Bengkel Literasi Media dan Maklumat Perdana



Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Sijil Wakil Kumpulan Peserta

## **STATISTIK RINGKAS LMM 2017**

### **1. LMM KESELURUHAN**


	SASARAN		PENCAPAIAN	
	Bilangan program	Bilangan peserta	Bilangan program	Bilangan peserta
LMM 2017 (Keseluruhan)	50	1800	60	5,411

### **2. LMM TOT**

	SASARAN		PENCAPAIAN	
	Bilangan program	Bilangan peserta	Bilangan program	Bilangan peserta
TOT 2017	-	500	18	1,457

BIL.	KATEGORI PESERTA TOT (TAHUN 2017)	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1.	Guru Perpustakaan dan Media (GPM)	5	469
2.	Pensyarah	5	372
3.	Staf Perpustakaan	3	161
4.	Pengawas PSS	2	305
5.	Lain-lain (Penyelidik/KM Officer/Pegawai Perubatan)	3	150
	JUMLAH :	18	1,457

# PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI



## **KEM TULISAN JAWI PERINGKAT NEGERI PERAK**

Rasional penganjuran Kem Tulisan Jawi ini untuk memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat mendekati tulisan Jawi sebagai salah satu skrip penulisan yang indah, mudah dan perlu dikuasai oleh semua sebagai legasi budaya masyarakat Malaysia. Usaha berterusan PNM dengan kerjasama jabatan atau agensi secara ‘National Blue Ocean Strategy’ (NBOS) bertujuan menyebarluas pembelajaran Jawi berkesan ke arah meningkatkan kadar celik Jawi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

### **OBJEKTIF**

- Menyemarakkan budaya pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi dalam kalangan rakyat Perak khususnya dan Malaysia amnya;
- Mendidik rakyat Malaysia mencintai tulisan Jawi melalui kaedah pembelajaran tulisan Jawi yang mudah dan ringkas; dan
- Melahirkan masyarakat Malaysia yang celik Jawi dan al-Quran.

Kem Tulisan Jawi ini dianjurkan oleh PNM dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak (PPANP). Program ini telah diadakan pada 22 Julai 2017, Dewan Al-Helmi Sekolah Menengah Kebangsaan Doktor Burhanuddin, Taiping Perak.

Tenaga pengajar ialah Cikgu Wan Mohd Azhar bin Wan Mahamod, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, SK Changkat Ibul, Changkat Jering, Perak. Program ini diisi dengan Pameran Manuskrip Melayu, pendaftaran keahlian PNM dan u-Pustaka serta jualan buku terbitan PNM. Majlis Penutup Kem Klinik Jawi Peringkat Negeri Perak 2017 telah disempurnakan oleh Tuan Haji Roslan bin Abu Hassan, Ketua Sektor Pendidikan Negeri Perak.

## Jumlah Peserta

Bil.	Sasaran Peserta	Jumlah
1.	Pelajar Tahun 6	128
2.	Fasilitator	32
3.	Guru Pengiring	32
4.	Guru sekolah (AJK)	47
5.	Kakitangan awam	27
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>266</b>

## LIPUTAN BERITA


Liputan berkaitan Kem Tulisan Jawi telah diterbitkan pada 21 Ogos 2017 (Isnin) dalam Portal Jawi Utusan Melayu

رنجان | 15 | اوتوجوست مالaysia | 21 اوجوس 2017



**سuarah فلامر ترتاديق مليهت القراءان توليسن تانن بع دهامييرن دالم ديم**  
توليسن جاوي 2017 دنتاييغ فيراق، بارو، اين.


### کيم توليسن جاوي نگري ڤيراق دافت سمبوتون مغکالق肯



علمسو مسلماي  
پاتي محمد دايان هيلك محمد  
عيسو، 12 قولا، کيم جاوي ساقمام اب،  
جاري داهورون، جوسترو دي تيدق (أقو)  
اندونوق مفکوپن برسام راكن" ستنه  
دانن اوليه کورو.



سے وليه مصالح  
محمد ازبول دهن ليمه نجه  
جاري دوكاكان تراواهان اوپنه  
"توليسن جاوي اين سماكتين  
مانوه، ديسين ساي دافت ارادي  
کون کران دالم ساو کوملومن، کامي  
برمولو ديد فريكت سکونه دنده  
ستندا ايت، فلامر سکوله بصفان  
کون کران دالم ساو کوملومن، کامي  
فرجهنک ملکوکو جامفون فلامر دري  
سوانها توليسن جاوي اين تيدق سام  
ستنای دنواکن، کان.



سهام بع مفکوپن،  
جوسترو برقونتسي  
منحداري سولوس  
پاتي مكتنون دهان ديم  
است برسيلان،  
کانان تيك دهومي



محمد دايان  
هيلك  
سهام بع مفکوپن،  
جوسترو برقونتسي  
منحداري سولوس  
پاتي مكتنون دهان ديم  
است برسيلان،  
کانان تيك دهومي

**سهام بع مفکوپن،  
جوسترو برقونتسي  
منحداري سولوس  
پاتي مكتنون دهان ديم  
است برسيلان،  
کانان تيك دهومي**

**محمد دايان هيلك  
عيسو، 12 قولا، کيم جاوي ساقمام اب،  
جاري داهورون، جوسترو دي تيدق (أقو)  
اندونوق مفکوپن برسام راكن" ستنه  
دانن اوليه کورو.**



سياكنن فسرنا  
کيم توليسن جاوي  
دنواکن، فيراق،  
بارو، اين.

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2017

55

## GALERI KEM TULISAN JAWI PERINGKAT NEGERI PERAK



## PENDAFTARAN DAN JUALAN TERBITAN PNM



## PAMERAN MANUSKIP MELAYU



Lawatan Ke Sudut Pameran Manuskip Melayu



## MAJLIS PENUTUP KEM TULISAN JAWI



Ucapan Penutup dan Penyampaian Hadiah



## KEM KLINIK JAWI 2017

Perpustakaan Negara Malaysia selaku Urus Setia Program Pembudayaan Tulisan Jawi peringkat kebangsaan komited melaksanakan pelbagai program ke arah menyemarakkan pembudayaan tulisan Jawi melalui pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi kepada pelbagai golongan sasaran.

Program-program ini dilaksanakan oleh PNM dengan kerjasama jabatan dan agensi Kerajaan dan swasta bertujuan untuk menyebarluas pembelajaran Jawi ke arah meningkatkan kadar celik Jawi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Pelbagai kaedah pembelajaran dan pengajaran tulisan Jawi telah diketengahkan oleh PNM kepada masyarakat seperti kaedah *tulisan Jawi yang disempurnakan* oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kaedah *Baca Dengan Nombor* oleh Ustaz Wan Mohd Azhar Wan Mahamod, kaedah *Mananiyyah* oleh Ustaz Abdul Manan Ali Al-Merbawi dan kaedah *Dalil* oleh Ustazah Dalilah Desa.

Penganjuran *Kem Klinik Jawi 2017* ini adalah untuk memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat mendekati tulisan Jawi sebagai skrip penulisan yang indah, mudah dan perlu dikuasai oleh semua sebagai legasi budaya dan warisan masyarakat Malaysia.

### OBJEKTIF

- (a) Menyemarakkan budaya pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi dalam kalangan rakyat Malaysia;
- (b) Mendidik rakyat Malaysia mencintai tulisan Jawi melalui kaedah pembelajaran tulisan Jawi yang mudah dan ringkas;
- (c) Melahirkan masyarakat Malaysia yang celik Jawi dan al-Quran; dan
- (d) Mendedahkan peserta dengan kaedah ejaan Jawi terkini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kem Klinik Jawi 2017 telah dianjurkan bersama oleh PNM dan IKIM. Program ini diadakan pada 16 Disember 2017 bertempat di Dewan Institut Kefahaman Islam, Kuala Lumpur. Penceramah program ialah Tuan Haji Hamdan bin Abdul Rahman, Pakar Rujuk Tulisan Jawi dan Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia merangkap Pembimbing Rancangan Klinik Jawi di Radio IKIM.fm. Modul *Kem Klinik Jawi 2017* merangkumi pengenalan kepada sistem ejaan tulisan Jawi terkini dan kaedah asas penulisan Jawi. Majlis penutup Kem Klinik Jawi 2017 telah disempurnakan oleh Ybhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

### **Kategori Peserta**

<b>Bil.</b>	<b>Sasaran Peserta</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Guru/pensyarah	56
2.	Orang awam	14
3.	Pengurus asrama/sekolah	2
4.	Kanak-kanak	2
5.	Remaja (SMK)	2
6.	Pegawai akaun	1
7.	Pegawai Kontrak	1
8.	Eksekutif /CEO	2
9.	Pembantu Tadbir	1
10.	Pelajar SMA/Maahad	11
11.	Pesara	3
12.	Pem. Hal Ehwal Islam	1
13.	Peg/Pem Pej. Pend.Islam	5
14.	Imam	1
15.	Peg. Perubatan	1
16.	Peg. Pemasaran	2
17.	Pen. Pengarah JAKIM	1
18.	Peg/Pem bidang penyiaran	5
19.	Pustakawan/Pen.Peg/Pemb	5
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>116 orang</b>

## PENGISIAN PROGRAM

Program ini diisi dengan Pameran Tulisan Jawi dan Manuskrip Melayu yang terdiri daripada pelbagai bidang perkara, pendaftaran keahlian PNM dan u-Pustaka serta jualan buku terbitan IKIM.

## LIPUTAN BERITA

Liputan berita Kem Klinik Jawi 2017 adalah seperti berikut:

**Sumber: Portal Utusan Melayu dan Aplikasi Telefon Pintar, 1 Januari 2018 (Isnin)**



## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Sabtu, 16 Disember 2017



### Kem Klinik Jawi Semarak Budaya Pengajaran, Pembelajaran Tulisan Jawi

Tarikh kemaskini: 16/12/2017



KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) – Kem Klinik Jawi 2017 yang dianjurkan secara bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dilihat menyemarakkan budaya pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi serta mendidik rakyat Malaysia mencintai tulisan tersebut.

Ketua Pengarah PNM Datuk Nafisah Ahmad berkata kem sehari yang julung kali diadakan itu memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah ejaan jawi terkini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)..

"Kem ini juga memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat mengenali serta mempelajari tulisan jawi sebagai sebuah skrip penulisan yang mudah, indah dan perlu dikuasai semua sebagai warisan masyarakat Melayu yang secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat celik jawi dan al-Quran," katanya.

Nafisah bercakap kepada pemberita pada majlis penutup Kem Klinik Jawi 2017 di sini hari ini.

Kem itu menyaksikan penglibatan pakar rujuk tulisan jawi untuk memberi pendedahan lebih mendalam kepada peserta yang boleh bertanya secara langsung mengenai sebarang kemasukan.....

**KERATAN AKHBAR****JUDUL : Bernama Online****TARIKH : Sabtu, 16 Disember 2017**

## Jawi Clinic Camp Empowers Teaching, Learning Jawi Script

Last update: 17/12/2017

KUALA LUMPUR, Dec 16 (Bernama) -- The Jawi Clinic Camp 2017 has helped to popularise and empower the culture of teaching and learning of Jawi script and inculcating the love of Jawi among Malaysians.

National Library of Malaysia (PNM) Director-General Datuk Nafisah Ahmad said the day-long camp, jointly organised by PNM and the Malaysian Institute of Islamic Understanding (IKIM), had provided the participants with the exposure on the latest Jawi script by the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"The camp has also given the participants the opportunity to recognise and study the Jawi script as a simple, beautiful writing style and should be mastered by all, as a legacy of the Malays that can indirectly produce the community who understand Jawi and the Quran," she said this to reporters at the closing ceremony of the Jawi Clinic Camp 2017 here today.

The camp also provided the participants with Jawi script experts who gave them the exposure apart from answering any questions pertaining to the Jawi scripts.

Meanwhile, PNM, together with IKIM fm radio station, have been co-producing the Jawi Clinic since June 2012 and the show could be viewed via social media Facebook Go Live IKIM fm and it aimed at elevating the Jawi scripts as a recognised national language and heritage that needed to be preserved.....

## GALERI KEM KLINIK JAWI 2017



## PAMERAN JAWI & MANUSKIP MELAYU & PENDAFTARAN U-PUSTAKA



## MAJLIS PENUTUP KEM KLINIK JAWI



# **STATISTIK PELAKSANAAN PROGRAM PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI DI MALAYSIA**



**STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA  
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI  
BAGI TAHUN 2017**

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN AKTIVITI</b>	<b>BILANGAN PENYERTAAN (ORANG)</b>
1.	JOHOR	0	0
2.	KEDAH	141	159,640
3.	KELANTAN	15	100,138
4.	MELAKA	27	57,805
5.	NEGERI SEMBILAN	21	263,529
6.	PAHANG	71	217,439
7.	PERAK	25	20,231
8.	PERLIS	15	78,862
9.	PULAU PINANG	12	547,862
10.	SABAH	16	28,8726
11.	SARAWAK	53	21,490
12.	SELANGOR	10	518,821
13.	TERENGGANU	6	590,793
14.	WP LABUAN	0	0
15.	WP KUALA LUMPUR	5	2,140
<b>JUMLAH</b>		<b>417</b>	<b>2,867,476</b>

\*Sumber: Berdasarkan laporan yang diterima daripada Perpustakaan Awam Negeri



## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI KEDAH

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
1.	Lawatan Kerja – Mini Perpustakaan – Penjara Pokok Sena	16 Januari 2017	Penjara Pokok Sena	7 orang
2.	Bengkel Orientasi Perpustakaan Jabatan Penjara Pokok Sena Kedah	17 – 18 Januari 2017	PPAK	10 orang
3.	Bengkel Literasi Maklumat – Sek. Men. Keb. Hutan Kampung	19 Januari 2017	Auditorium , PPAK	36 orang
4.	Kelab Sinar Pintar Bayan Budiman (Kumpulan 1)	21 Januari 2017	Sudut Kanak-Kanak PPAK	42 orang
5.	Hari Bertemu Pelanggan PPAK	22 – 23 Januari 2017	Pintu Masuk, PPAK	200 orang
6.	Lawatan Dari SMK Pendang	24 Januari 2017	PPAK	37 orang
7.	Kelas Komputer (Sesi 1)	31 Januari 2017 – 15 Februari 2017	Bilik Multimedia, PPAK	4 orang
8.	Bengkel Literasi Maklumat – Sek. Keb. Bandar Sungai Petani (kakitangan)	2 Februari 2017	Auditorium , PPAK	25 orang
9.	Aktiviti Galakan Membaca sempena Minggu NILAM, Sek. Men. Keb. Convent	6 – 7 Februari 2017	Sek. Men. Keb. Convent	500 orang
10.	Aktiviti Galakan Membaca dan Literasi Maklumat sempena Minggu NILAM,	8 Februari 2017	Sek. Men. Keb. Sultanah Bahiyah	600 orang

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
	Sek. Men. Keb. Sultanah Bahiyah			
11.	Bengkel Teater Kanak-Kanak Anjuran PPAK dgn kerjasama Persatuan Teater Alor Setar	11 Februari 2017	Auditorium, PPAK	44 orang
12.	Forum Sejarah Tanah AirKu: Kesedaran dan Iktibar Anjuran bersama PSMCK, PPAK & LMNK	14 Februari 2017	Auditorium, PPAK	250 orang
13.	Lawatan AIU-Irsyad International School	14 Februari 2017	Sudut Kanak-Kanak & Media	105 orang
14.	Lawatan Dari SMK Dato' Vijaya Setia Sungai Petani	15 Februari 2017	Unit Rujukan	42 orang
15.	Kelab Sinar Pintar Bayan Budiman (Kumpulan 2)	18 Februari 2017	Sudut Kanak-Kanak PPAK	46 orang
16.	Lawatan Pendidikan Khas SK Syed Ibrahim Pendang	22 Februari 2017	Sudut Kanak- Kanak	40 orang
17.	Lawatan dari SK Teloi Kanan	22 Februari 2017	PPAK	89 orang
18.	Lawatan Pendidikan Khas SK Hj Hassan Hitam Simpang Ampat Kangkong	23 Februari 2017	Sudut Kanak-Kanak	41 orang
19.	English Teacher Workshop – “Listening & Speaking Activities to Engage Low-Level Students”	25 Februari 2017	Unit rujukan, PPAK	80 orang
20.	Lincoln Corner 10 <sup>th</sup> Anniversary	25&26 Februari 2017	PPAK	500 orang

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
21.	How To Access Information Through Database Inside E-Pustaka	28 Februari 2017	DEWAN AIU	450 orang
22.	Bengkel Literasi Maklumat SK Kampong Paya	1 Mac 2017	Auditorium PPAK	33 orang
23.	Bengkel Literasi Maklumat MRSM Merbok	6 Mac 2017	MRSM Merbok	92 orang
24.	Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak	13 Mac 2017	Galeri Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	80 orang
25.	Kelab Sinar Pintar Bayan Budiman (Kumpulan 3)	18 Mac 2017	Sudut Kanak-Kanak PPAK	70 orang
26.	Bengkel Melukis & Mewarna Bersama UNEH, Raja Pensil Warna	20 Mac 2017	Auditorium PPAK	170 orang
27.	Bengkel PNM Digital	20 – 21 Mac 2017	Bilik Multimedia	25 orang
28.	School Holiday Video Screening	21 Mac 2017	Bilik Media, PPAK	100 orang
29.	Wii Games	23 Mac 2017	Bilik Media, PPAK	30 orang
30.	Kem Smart Solat	23 Mac 2017	Auditorium PPAK	100 orang
31.	Bengkel Literasi Maklumat dari Sek Keb Kuala Ketil	27 Mac 2017	Auditorium PPAK	86 orang
32.	Bengkel Literasi Maklumat dari Sek. Batu Pekaka	29 Mac 2017	Auditorium PPAK	50 orang

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
33.	Bengkel Literasi Maklumat dari SMK Tmn Hi-Tech, Kulim sempena Karnival Membaca 1 Malaysia	4 April 2017	SMK Tmn Hi-Tech, Kulim	100 orang
